

26/10/2003

Adakah iktibar daripada Persidangan Negara-Negara Islam?

SELAMA dua minggu fikiran dan perasaan kita diasak dan diasak oleh berita Persidangan OIC ke 10. Suatu persidangan antarabangsa yang sangat hebat. Ucapan pembukaan Dr Mahathir spontan mendapat tindak balas marah-marah dunia barat. Biasanya mereka tak ambil kisah pada OIC, yang hidup tapi tak bermaya.

Di antara pesertanya adalah tujuh orang raja, 17 presiden, tujuh perdana menteri dan 11 menteri luar. Presiden Russia dan Filipina hadir sebagai tetamu. Belum pernah negara bukan Islam menghadiri sidang OIC.

Suatu tanda pengakuan kejayaan negara kita dan OIC yang selepas persidangan ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri kita. Juga suatu penghormatan istimewa kepada Dr Mahathir. Jika tidak salah ingatan, belum ada negara dan perdana menteri atau presiden di Benua Asia yang mendapat penghormatan begitu.

Persidangan 57 negara itu selesai dengan merumuskan 11 resolusi.

Adakah apa-apa kesan atau faedahnya kepada kita sebagai sebuah negara yang diperintah oleh orang Islam dan sebagai umat Islam?

Kuasa politik ada. Kekayaan ada. Tetapi kekuatan tidak ada.

KELEMAHAN OIC dan negara-negara yang diperintah oleh orang Islam, dalam masa setengah abad lalu, ialah kerana tiada kemampuan ilmu dan politik. Tiada kata sepakat untuk menangani kebangkitan politik dan perkembangan baru ekonomi dan tuntutan dunia moden. Tiada kemampuan untuk menangani New World Order dan New World Disorder.

50 tahun lalu Soekarno berjuang menentang new imperialism atau imperialisme ekonomi. Sekarang imperialisme itulah yang menjajah negara-negara Islam. Jika hendak disamakan dengan tempo gendang perang AS, istilah baru untuk gerakan penjajahan itu ialah 'penganas ekonomi' yang telah mengakibatkan macam-macam malapetaka di lebih separuh dunia.

Akibat daripada keadaan ini, tiadalah juga kata sepakat dalam menghadapi negara-negara yang memusuhi dan mencaturkan negara-negara Islam dan umat Islam. Iraq yang tidak mahu jadi boneka AS dimusnahkan dengan pembohongan, bom dan peluru meriam. Syukurlah kekuatan politik-ekonomi kita masih dapat menghadapi penganas politik-ekonomi ini.

Sebuah negara Israel yang kecil itu pun tak terdaya dibela, meskipun terletak di dunia Arab yang kaya raya. Memang benar di belakang Israel ada Amerika dan ada Yahudi yang kuat di Eropah, terutama di Amerika. Tetapi negara kecil itu dikelilingi negara Arab-Islam! Orang Palestin berjuang

dengan kekuatan semangat 'bom diri'.

Pemerintah negara-negara Islam ada kuasa. Selalunya orang yang ada kuasa dan ada kekayaan jadi kuat. Tetapi negara-negara Islam lemah tak berdaya dan diserang sewenang-wenangnya oleh Amerika dan Israel. Kita, umat Islam hanya menggilap-gilap kegemilangan masa lampau yang jadi sejarah dan bahan muzium.

Nasib baik kuasa politik dan pentadbiran masih di tangan kita

DI NEGARA kita yang maju ini, nasib baik kuasa politik masih di tangan kita, meskipun kekuatan politik kita telah berpecah. Masih ada sultan, raja dan gabenor, menteri besar dan ketua menteri Melayu-Islam. Namun kuasa ilmu dan kuasa ekonomi di tangan warga keturunan Cina dan India terus membesar.

Kerana adanya kuasa politik itu, jentera pentadbiran masih dalam tangan kita. Tetapi apakah para pegawai kita berpegang dan mengamalkan tuntutan dan ajaran Islam; setidak-tidaknya semangat dan intisarinya. Jika sudah, Alhamdulillah! Jika belum, apa sebabnya? Saya lihat memang ada, tetapi tidak mantap.

Selain daripada kuasa yang ada di tangan menteri (pemimpin politik) di tangan pegawai tadbir cukup banyak kuasa dan kesempatan untuk menolong memajukan ummah. Bahkan bukan saja pegawai tadbir, tetapi juga pegawai polis dan tentera, guru dan pensyarah pusat pengajian tinggi, semuanya boleh memainkan peranan yang berkesan.

Ketika kita terjebak dan ikut mempersoalkan pertelagahan antara parti politik orang Islam, alangkah baiknya jika pegawai kerajaan dan syarikat kerajaan dapat meningkatkan peranan mereka untuk membantu meningkatkan pencapaian ummah. Ini bukan saja tugas, tetapi juga ibadah.

Apabila kita mulai mempersoalkan peranan ulama, elok jugalah kita melihat semula peranan pegawai kerajaan dalam memajukan ummah. Pastilah tanpa melupakan tugas mereka terhadap seluruh rakyat tanpa mengira agama dan keturunan.

Nampaknya kita masih tidak boleh bermuafakat untuk menangani kelemahan kita dan kemunduran kita. Bahkan ketiadaan muafakat itu sering membawa kesan yang negatif, malah permusuhan yang bodoh.

Sampai bilakah kita nak jadi begini? Suka sangat mencari kambing hitam. Pastilah tidak cukup kita hanya terus membaca dan menyeru firman dan hadis tentang ilmu dan ekonomi, tentang persaudaraan dan moral jika kita tidak mengamalkannya. Umpama menipu diri sendiri.

Apa kata kalau kita bangunkan sebuah 'Kampung Melayu-Islam' di Langkawi?

ORANG Melayu terus diberi bermacam kemudahan dan pertolongan untuk meningkatkan ilmu dan ekonomi. Tetapi 30 tahun selepas DEB kejayaan kita masih jauh dari sasarannya. Kita masih suka berpesta macam juga orang Arab yang suka makan-makan dan pesta-pestaan.

Kita menari dan menyanyi dan memperagakan budaya kita untuk menarik pelancong, tetapi bukan kita yang menguasai industri pelancongan. Tak dinafikan pelancongan banyak menambah kantung negara. Tetapi industri pelancongan hampir tiada yang milik kita. Bukan dengki, tetapi sekadar

suatu contoh mudah untuk mencerminkan diri.

Memanglah ada keperluan pelancong yang tidak boleh kita sediakan kerana salah di sisi Islam. Tetapi masih banyak yang boleh kita sediakan. Asalkan kita mahu berfikir dan tekun berusaha. Rumah pusaka Pak Ali adalah satu contoh yang nyata. Sudah terbakar pun masih ada pelancong yang bergambar dengan rangka rumahnya!

Cukup banyak khazanah dan hasil seni-budaya Melayu-Islam yang akan menarik minat pelancong dan kita sendiri. Apa kata, jika diwujudkan sebuah

'Kampung Melayu-Islam' di Pulau Langkawi? Kampung yang real, yang didalamnya ada kehidupan dan kegiatan sepanjang masa. Bukan sekadar untuk

bahan tontonan pelancong, tetapi juga jadi pusat khazanah Melayu-Islam yang hidup seninya, agamanya dan ekonominya.

Mudah-mudahan puasa tahun ini akan merangsang kesedaran dan keinsafan akan masa depan kita dan meneguhkan iman kita.

Mampukah umat Islam di negara kita ini memenuhi cabaran dan tuntutan alaf baru abad ke-21?

- (86, Jalan SS21/32, Damansara Jaya, Selangor - Rabu, 22 Oktober 2003)